



## SIARAN MEDIA

### MENTERI KPKT YB TUAN NGA KOR MING DIPERKENAN UNTUK MENGHADAP SULTAN PERAK

---

**KUALA LUMPUR, 9 DISEMBER 2022** – Sultan Perak Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah, berkenan menerima menghadap Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan YB Tuan Nga Kor Ming di Istana Hinggap Perak di sini semalam.

Dalam sesi menghadap itu, Sultan Perak mengucapkan tahniah di atas pembentukan Kerajaan Perpaduan dan menzahirkan harapan yang tinggi terhadap Kerajaan Perpaduan. Baginda turut titah berkenan agar Kerajaan Perpaduan bekerjasama rapat dengan kakitangan awam.

Sesi menghadap bermula jam 3.00 petang dan pertemuan itu berlangsung kira-kira sejam.

Sesi menghadap Sultan Nazrin Shah itu yang pertama buat YB Nga yang juga Ahli Parlimen Teluk Intan, sejak beliau dilantik sebagai Menteri pada 3 Disember lalu.

YB Nga mempersembahkan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Negeri Royal Belum Perak Darul Ridzuan kepada baginda.

Taman Negeri Royal Belum diwartakan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan di bawah peruntukan Akta Warisan Negara 2005 [Akta 645] pada tahun 2012 dan berpotensi untuk pencalonan sebagai Tapak Warisan Dunia.

Kajian ini telah mengenalpasti lima (5) teras perancangan, 20 strategi, 58 tindakan dan 172 cadangan dalam bentuk projek atau program pembangunan dalam tempoh perancangan sehingga tahun 2035.

Pelaksanaan projek dan program dijangka dapat menangani isu-isu perancangan berkaitan konflik manusia-hidupan liar seperti kemalangan, pencerobohan, pemburuan, pelepasan spesies invasif (Tilapia) dan pencemaran.

Kajian ini juga mencadangkan program-program berkaitan pembangunan komuniti, penyelidikan dan eko-pelancongan bagi meningkatkan faedah ekonomi dari usaha-usaha pemuliharaan dan konservasi hutan.

RKK ini meliputi keseluruhan Taman Negeri Royal Belum yang berkeluasan 128,272 hektar dan mempunyai penduduk orang asli seramai 1,081 orang pada tahun 2021.

## #BekerjaBersamaRakyat

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bombardan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

